Ahmad bin Said lwn Zulkiflee bin Bakar & Yang lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA TERENGGANU) — GUAMAN SIVIL NO 22–19 TAHUN 1997
MOHD SAARI H
10 JULAI 1997

***Tort** — Fitnah — Tohmahan salahlaku, korup atau penyalahgunaan kuasa terhadap ahli ADUN — Permohonan melanjutkan perintah injunksi interlokutori — Sama ada pembelaan komen wajar dan justifikasi terpakai — Sama ada tohmahan yang diterbitkan sebagai katadengar merupakan fitnah — Sama ada di atas imbangan kemudahan, perintah injunksi interlokutori harus dilanjutkan*

Plaintif adalah seorang ADUN yang memegang jawatan sebagai anggota Exco dalam Kerajaan Negeri Terengganu. Beliau juga adalah Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kemaman. Dari 21 hingga 29 Mei 1997, beliau telah melancong ke London, Zurich, Lucerne dan Paris. Defendan dikatakan telah, antara lain, menerbitkan melalui media cetak pengataan salahlaku, korup atau penyalahgunaan kuasa terhadap plaintif berbangkit dengan lawatan plaintif ke Eropah. Antara lain, defendan telah dikatakan melaporkan bahawa sebuah syarikat swasta telah dipercayai membiayai keseluruhan rombongan pemimpin dan ahli-ahli UMNO dari satu bahagian di Terengganu ke Eropah. Satu perintah injunksi interlokutori selama 14 hari telah diberikan kepada plaintif untuk menghalang defendan atau ejennya dari terus mengulangi pengataan-pengataan tersebut. Seterusnya plaintif memohon supaya injunksi interlokutori tersebut dilanjutkan. Defendan membantah dan memohon untuk perintah tersebut dibatalkan.

Isu untuk diputuskan di dalam prosiding ini adalah sama ada: (i) pernyataan 'pemimpin dan ahli-ahli UMNO dari satu bahagian di Terengganu' ditujukan kepada plaintif; (ii) pernyataan laporan pertama AS1 dan laporan AS3 adalah fitnah; (iii) pembelaan justifikasi terpakai kepada kes defendan; dan (iv) pembelaan komen wajar terpakai kepada kes defendan.

Diputuskan, menolak permohonan defendan dan membenarkan permohonan serta kos kepada plaintif:

(1) Kenyataan plaintif bahawa tiada rombongan dari bahagian lain di negeri Terengganu yang telah melancong ke Eropah dalam masa yang sama boleh dianggap sebagai pengakuan oleh defendan memandangkan bahawa tiada keterangan berlawanan dikemukakan. Oleh itu, walaupun laporan pertama AS1 tidak menyebut plaintif sebagai anggota dalam rombongan yang melancong ke Eropah, oleh kerana tiada rombongan dari bahagian lain dalam negeri Terengganu melancong ke Eropah pada masa yang sama, adalah mudah plaintif dicam sebagai peserta dalam rombongan tersebut, memandangkan juga beliau adalah seorang ADUN, anggota Exco dan Ketua Pemuda Bahagian UMNO Kemaman. Oleh itu, pernyataan 'pemimpin dan ahli-ahli UMNO

dari satu bahagian di Terengganu' sememangnya ditujukan kepada plaintif (lihat ms 546F–I dan 547A–C); *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281 dan *Knuppfer v London Express Newspapers Ltd* [1943] 1 KB 8 diikut.

(2) Persoalan yang perlu ditanya untuk menentukan sama ada suatu pernyataan itu fitnah atau tidak ialah sama ada pernyataan tersebut boleh merendahkan plaintif di pandangan anggota masyarakat yang berfikiran waras. Dalam isu ini, kedua-dua pernyataan dalam AS1 dan AS3 itu adalah fitnah (lihat ms 547F–G); *Lewis v Daily Telegraph Ltd* [1964] AC 234, *Wan Abdul Rashid v Siva Subramanian* [1984] 1 MLJ 385 dan *Abdul Rahman Talib v Seenivasagam & Anor* [1966] 2 MLJ 66 diikut.

(3) Dokumen-dokumen defendan tidak mendedahkan bahawa sebuah syarikat swasta telah membiayai lawatan plaintif. Malah, dokumen SR3 menunjukkan plaintif adalah di antara peserta yang membiayai lawatan dengan wang sendiri. Oleh itu, tohmahan tentang syarikat swasta membiayai lawatan plaintif adalah tidak berasas dan tidak betul. Maka, kes plaintif adalah termasuk di bawah pengecualian kepada prinsip asas bahawa mahkamah tidak seharusnya memberikan injunksi jika defendan akan mengutarakan isu justifikasi di dalam perbicaraan (lihat ms 548G–I dan 549A–B); *New Straits Times Press (M) Sdn Bhd v Airasia Bhd* [1987] 1 MLJ 36 diikut.

(4) Memandangkan tohmahan tentang pembiayaan oleh syarikat swasta tersebut terhadap perbelanjaan lawatan plaintif ke Eropah itu adalah tidak benar, isu pembelaan komen wajar oleh pihak defendan juga gagal (lihat ms 549E); *Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Davies & Ors* [1990] 1 MLJ 390 dan *Hasnul bin Abdul Hadi v Bulat bin Mohamed & Anor* [1978] 1 MLJ 75 diikut.

(5) Secara keseluruhannya, kes defendan hanya bergantung kepada keterangan yang tidak boleh diterima (inadmissible evidence). Perkataan-perkataan 'dipercayai' dan 'difahami' yang disebut dalam afidavit defendan adalah keterangan katadengar (hearsay). Dengan itu, di atas imbangan kemudahan, fakta dan hal keadaan kes lebih memihak kepada plaintif (lihat ms 54 9H–I dan 550A–B); *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed v Datuk Yeh Pao Tzu & Ors* [1977] 1 MLJ 56 diikut.

[English summary

The plaintiff was a member of the State Legislative Council who held a post in the State Exco of Terengganu. He was also the UMNO Youth Leader for the Kemaman Division. Between 21 and 29 May 1997, the plaintiff had toured London, Zurich, Lucerne and Paris. The defendant was said to have published, inter alia, allegations of misconduct, corruption or abuse of power against the plaintiff through the printing media in connection with the plaintiff's visit to Europe. Amongst others, the defendant allegedly reported that a private company was believed to have entirely funded the visit of a group of

UMNO leaders and members from a division in Terengganu to Europe. A 14-day interlocutory injunction order had been granted to the plaintiff to prevent the defendant or his agent from continuously repeating those allegations. Subsequently, the plaintiff applied to have the interlocutory injunction extended. The defendant objected and applied to strike out the order.

The issues to be determined in this proceeding were whether: (i) the statement 'UMNO leaders and members from a division in Terengganu' was directed at the plaintiff; (ii) the statements in the reports AS1 and AS3 were defamatory in nature; (iii) the defence of justification applied to the defendant's case; and (iv) the defence of fair comment applied to the defendant's case.

Held, dismissing the defendant's application and allowing the plaintiff's application with costs:

(1) The plaintiff's statement that no group from another division in Terengganu had toured Europe during the same time could be treated as an admission by the defendant since no evidence to the contrary was adduced. Therefore, although the first report AS1 did not mention the plaintiff as a member of the group which visited Europe, since there was no other group from another division in Terengganu touring Europe during that period the plaintiff was easily identifiable as one of the participants in that group, bearing in mind also he was a member of the State Legislative Council, of the State Exco and an UMNO Youth Leader for the Kemaman Division. Therefore, the statement 'UMNO leaders and members from a division in Terengganu' undoubtedly referred to the plaintiff (see pp 546F–I and 547A–C); *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281 and *Knuppfer v London Express Newspapers Ltd* [1943] 1 KB 8 followed.

(2) The question to be posed in order to determine whether a statement was slanderous or not was whether that statement could lower the plaintiff's esteem in the eyes of reasonable-minded members of the public. On this issue, both statements in AS1 and AS3 were defamatory (see p 547F–G); *Lewis v Daily Telegraph Ltd* [1964] AC 234, *Wan Abdul Rashid v Siva Subramanian* [1984] 1 MLJ 385 and *Abdul Rahman Talib v Seenivasagam & Anor* [1966] 2 MLJ 66 followed.

(3) The defendant's documents did not reveal that the private company had funded the plaintiff's visit. In fact, the document SR3 showed that the plaintiff was among participants who had paid their own fare. Hence, the allegations that a private company had funded the plaintiff's trip were baseless and incorrect. Thus, the plaintiff's case came within the exception to the basic principle that the court should not grant injunctions if the defendant brings up the issue of justification at the trial (see pp 548G–I and 549A–B); *The New Straits Times Press (M) Sdn Bhd v Airasia Bhd* [1987] 1 MLJ 36 followed.

(4) Since the allegations regarding funding by the private company towards the plaintiff's trip expenses were incorrect, the issue of the defence of fair comment by the defendant also failed (see p 549E); *Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Davies & Ors* [1990] 1 MLJ 390 and *Hasnul bin Abdul Hadi v Bulat bin Mohamed & Anor* [1978] 1 MLJ 75 followed.

(5) On the whole, the defendant's case depended only upon inadmissible evidence. The words 'believed' and 'understood' appearing in the defendant's affidavit were hearsay. Thus, on the balance of convenience, the facts and circumstances of the case largely favoured the plaintiff (see pp 549H–I and 550A–B); *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed v Datuk Yeh Pao Tzu & Ors* [1977] 1 MLJ 56 followed.]

Nota-nota

Bagi kes-kes mengenai fitnah, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan-perenggan 138–261.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Rahman Talib v Seenivasagam & Anor [1966] 2 MLJ 66 (diikut)
Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed v Datuk Yeh Pao Tzu & Ors [1977] 1 MLJ 56 (diikut)
Hasnul bin Abdul Hadi v Bulat bin Mohamed & Anor [1978] 1 MLJ 75 (diikut)
Knuppfer v London Express Newspapers Ltd [1943] 1 KB 8 (diikut)
Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Davies & Ors [1990] 1 MLJ 390 (diikut)
Lewis v Daily Telegraph Ltd [1964] AC 234 (diikut)
New Straits Times Press (M) Sdn Bhd v Airasia Bhd [1987] 1 MLJ 36 (diikut)
Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd [1995] 1 MLJ 281 (diikut)
Wan Abdul Rashid v Siva Subramanian [1984] 1 MLJ 385 (diikut)

Wan Ahmad Farid bin Dato Wan Salleh (*Zaki bin Tun Azmi* dengannya) (*Adnan & Wee*) bagi pihak plaintif.

Zulkifli bin Noordin (*Pawancheek Marican* dengannya) (*Zulkifli Noordin & Associates*) bagi pihak defendan-defendan.

Mohd Saari H: Dalam prosiding ini, plaintif memohon melalui kand 10 untuk melanjutkan perintah injunksi interlokutori bertarikh 24 Jun 1997. Perintah tersebut berbunyi:

(a) Satu perintah yang berkuatkuasa selama 14 hari dari hari ini supaya defendan-defendan dengan sendirinya, melalui ejen atau pengkhidmat mereka atau dengan apa jua cara lain, dihalang dan satu injunksi dengan ini dikeluarkan menghalang defendan-defendan daripada terus menerus menulis, mencetak, mengedar, menjual dan menerbitkan di mana-mana media cetak dan mengulangi pengataan salahlaku, korup atau penyalahgunaan kuasa terhadap plaintif berbangkit dengan lawatan plaintif ke Eropah dan England atau mana-mana fitnah yang bersamaan dengannya terhadap plaintif.

(b) Plaintif memberi akujanji untuk membayar apa-apa kehilangan atau kerosakan yang mahkamah mungkin berpendapat selepas ini ditanggung oleh defendan-defendan yang sepatutnya dibayar oleh plaintif disebabkan oleh perintah ini. A

(c) Kos permohonan ini hendaklah dijadikan kos di dalam kausa.

Defendan membantah dan memohon melalui kand 9 untuk membatal perintah tersebut. B

Dalam kes ini, plaintif ialah seorang ADUN yang memegang jawatan sebagai anggota Exco dalam Kerajaan Negeri Terengganu. Di samping itu, beliau juga Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kemaman. Dari 21 Mei hingga 29 Mei 1997, beliau telah melancong ke London, Zurich, Lucerne dan Paris. C

Isu untuk diputuskan adalah seperti berikut, iaitu sama ada:

(i) pernyataan 'pemimpin dan ahli-ahli UMNO dari satu bahagian di Terengganu' dituju kepada plaintif;

(ii) pernyataan dalam laporan pertama AS1 dan laporan kedua AS3 adalah fitnah; D

(iii) pembelaan justifikasi terpakai kepada kes defendan; dan

(iv) pembelaan komen wajar (fair comment) terpakai kepada kes defendan.

Isu pertama E

Dalam perenggan 4 afidavit (kand 4A), plaintif membuat kenyataan seperti berikut:

> Saya yakin bahawa laporan pertama tersebut adalah ditujukan kepada UMNO Bahagian Kemaman, di mana saya menjadi Ketua Pergerakan Pemudanya. Tidak ada lagi mana-mana Bahagian UMNO di negeri Terengganu yang mengadakan lawatan ke Eropah pada 'akhir bulan lalu'. Oleh itu, laporan pertama itu ditujukan kepada saya sebagai anggota lawatan. F

Mengikut rekod, tiada keterangan berlawanan yang menyatakan ada rombongan dari bahagian lain dalam Negeri Terengganu telah melancong ke Eropah dalam masa yang sama. Justeru itu, kenyataan tersebut dianggap sebagai pengakuan oleh defendan, sepertimana dinyatakan oleh Gopal Sri Ram HMR dalam kes *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281 di ms 286: G

> Now, it is a well settled principle governing the evaluation of affidavit evidence that where one party makes a positive assertion upon a material issue, the failure of his opponent to contradict is usually treated as an admission by him of the fact so asserted. H

Betul, laporan pertama AS1 tidak menyebut plaintif sebagai anggota dalam rombongan yang melancong ke Eropah. Namun demikian, tiada rombongan dari bahagian lain dalam negeri Terengganu melancong ke Eropah pada masa yang sama. Sebagai seorang ADUN, anggota Exco dan ketua Pemuda Bahagian UMNO Kemaman, plaintif senang dicam sebagai peserta I

A rombongan, seperti dinyata dalam 'headnote' kes *Knuppfer v London Express Newspapers Ltd* [1943] 1 KB 80:

> Where defamatory words are written of a class of person it is not open to a member of that class to say that they were written of him, unless the class is so small or so ascertainable that what is said of the class is necessarily said
B of every member of it, or unless the words, although they purport to refer to a class, yet in the circumstances of the particular case in fact refer to an individual.

Justeru itu, saya berpendapat laporan pertama itu tentulah ditujukan kepada plaintif.

C *Isu kedua*

Dato' Zaki, peguam kepada plaintif, menarik perhatian saya kepada kata-kata salah (offending words) dalam laporan seperti berikut:

> Setakat ini syarikat swasta yang dipercayai membiayai keseluruhan
D perbelanjaan rombongan selama lapan hari enam malam ... .

Peguam bijaksana juga merujuk kepada kata-kata salah dalam laporan AS3 yang berbunyi:

> Cumanya terlintas di kepala kaum kerabat, nampak benar mudahnya gugur buah yang sudah ranum. Jolok sahaja sedikit dalam paper, semuanya gugur
E bertaburan. Malah, seperti kata para sahabat, ia bagaikan pekung. Cuba sembunyi pun tidak guna, lama-lama ia akan berbau dan akhirnya orang akan tahu juga. Kalau durian bolehlah tahan sikit, sebab baunya pun agak harum juga, itupun sebelum ia menjadi tempoyak.

Proposisi undang-undang ialah, untuk menentukan suatu pernyataan itu
F fitnah, persoalan yang perlu ditanya ialah sama ada pernyataan tersebut boleh merendahkan plaintif di pandangan anggota masyarakat yang berfikiran waras (kes *Lewis v Daily Telegraph Ltd* [1964] AC 234). Dalam kes *Wan Abdul Rashid v S Sivasubramaniam* [1984] 1 MLJ 385, mahkamah memutuskan bahawa pernyataan yang menyatakan pendaftar mahkamah sesyen itu seorang korup adalah fitnah (juga lihat kes *Abdul Rahman Talib*
G *v Seenivisagam & Anor* [1966] 2 MLJ 66).

Dalam isu ini, saya berpendapat, kedua pernyataan dalam AS1 dan AS3 itu adalah fitnah.

Isu ketiga

H

Dalam penghujahan peguam defendan, penekanan (main thrust) kes defendan tertumpu kepada isu ini. Dalam perenggan 6 hingga 21 afidavit (kand 9A), defendan membangkit isu justifikasi. Dalam afidavitnya, defendan kedua menggambarkan bahawa lawatan rombongan ke Eropah itu dibiayai oleh sebuah syarikat swasta yang mempunyai beberapa projek
I besar di Terengganu. Encik Pawancheek Marican, peguam defendan, menarik perhatian saya kepada kes *New Straits Times Press (M) Sdn Bhd v Airasia Bhd* [1987] 1 MLJ 36 di ms 39, di mana Abdul Hamid Ag LP (pada masa itu) berkata:

The principle has clearly emerged by reason of the fact that the questions of libel or no libel are eminently matters to be decided on facts at the trial and there is also the question of the proper meaning to be assigned to the words used in a particular statement. To restrain a defendant before the questions are determined would amount to fettering with free speech. Indeed, it is because of the importance of leaving free speech unfettered that the court must be slow in issuing interim injunction in a libel action.

In applying these principles, value is placed by the court upon the freedom of speech which is related to the freedom of the press when balancing it against the reputation of a single individual who, if wronged, can be adequately compensated in damages. The court should act cautiously in granting interim injunction to restrain publication of an alleged defamatory statement. In fact, it should not grant the injunction where the defendant says he is going to justify it at the trial of the action except where the *statement is obviously untruthful or where the plaintiff has satisfied the court that the defence will fail.* That was made clear by Denning MR in *Harakas v Baltic Exchange* [1982] 2 All ER 701 at p 703. (Penekanan ditambah.)

Dato Zaki menentang penghujahan peguam defendan dan berhujah bahawa defendan telah gagal membuktikan bahawa sebuah syarikat swasta telah membiayai lawatan plaintif. Beliau menghujah, berpandu kepada fakta kes, kes plaintif termasuk di bawah pengecualian (exception) kepada prinsip asas dalam kes *New Straits Times Press (M) Bhd.*

Persoalannya, siapakah yang membiayai lawatan plaintif ke Eropah? Saya telah meneliti dokumen-dokumen defendan. Dalam program lawatan (eks SR2) bertajuk 'Sam International Group' terdapat nota 'To En Mohd Bakar from Hj Sam'. Bagi eks SR4, ia merupakan akaun UMNO Bahagian Kemaman untuk tahun kewangan 1995.

Berkaitan dengan eks SR1A, ia adalah surat dari Timbalan Ketua UMNO Cawangan Lot Seri Jaya Batu 4, Binjai, Kemaman kepada Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib UMNO. Surat tersebut membayangkan penulis kesal dengan Ahmad Said (plaintif) mengetuai rombongan ke Eropah. Bagaimanapun, surat tersebut tidak pula menyebut tentang pembiayaan lawatan oleh mana-mana pihak.

Untuk menjawab persoalan di atas, saya memutuskan dokumen-dokumen defendan tidak mendedahkan bahawa sebuah syarikat swasta telah membiayai lawatan plaintif. Malah, dokumen SR3 yang dibentang oleh defendan di bawah tajuk 'senarai peserta rombongan' menunjukkan YB Ahmad Said (plaintif) ADUN Kijal adalah di antara peserta yang membiayai lawatan dengan wang sendiri. Perkara ini disokong oleh dua resit (A-4R dan 5R) dan dua cek (A-4C dan 5C) yang dikeluarkan oleh plaintif berjumlah RM21,364.

Menyentuh kepada laporan pertama AS1 oleh defendan yang berbunyi 'Syarikat swasta yang dipercayai membiayai keseluruhan perbelanjaan rombongan' memberi gambaran bahawa lawatan plaintif ke Eropah itu dibiayai oleh syarikat swasta sementara keterangan-keterangan menunjukkan sebaliknya.

Kesimpulannya, saya dapati tohmahan tentang syarikat swasta membiayai lawatan plaintif itu tidak berasas dan tidak betul. Oleh itu, saya

memutuskan kes plaintif termasuk di bawah pengecualian (exception) kepada prinsip asas kes *New Straits Times Press (M) Bhd.* Seterusnya, untuk prosiding ini, defendan gagal di atas isu ini.

Isu keempat

Dalam hujahnya, peguam defendan memberitahu bahawa kes defendan juga bergantung kepada pembelaan komen wajar (fair comment) seperti mana dinyatakan di perenggan 22–30 dalam afidavit defendan (kand 9A).

Dalam kes *Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Davies & Ors* [1990] 1 MLJ 390, mahkamah berkata (di ms 408):

> ... right from the start, the first paragraph of the article contained a material error. It referred to D'Souza's account of 'the confrontation between the Archbishop and Prime Minister Lee Kuan Yew'. There was no such confrontation at all ... .

Dalam kes *Hasnul bin Abdul Hadi v Bulat bin Mohamed & Anor* [1978] 1 MLJ 75 di ms 79, Ibrahim H menggunapakai proposisi undang-undang seperti diperkatakan oleh Lord Denning:

> In order for the comment to be fair, the commentator must get his basic facts right.

Berbalik kepada kes ini, memandangkan tohmahan tentang pembiayaan oleh syarikat swasta terhadap perbelanjaan lawatan plaintif ke Eropah itu tidak benar, defendan juga gagal dalam isu ini.

Imbangan kemudahan

Jika injunksi interlokutori bertarikh 24 Jun 1997 dibatal, implikasinya defendan bebas untuk terus membuat tohmahan korup terhadap plaintif. Sayugia diingati, sebagai seorang anggota Exco, perkhidmatannya diperlukan untuk menjalankan tugas penting berkaitan dengan hal-hal kerajaan negeri. Sekiranya orang ramai sentiasa didedahkan dengan tohmahan salahlaku plaintif, ini secara tidak langsung akan menjejaskan kepercayaan orang ramai terhadap plaintif dalam penyelenggaraan tugas. Tambahan pula, sepertimana penyiasatan mahkamah menunjukkan, plaintif menampung perbelanjaan lawatan dengan wang sendiri berpandu kepada cek plaintif dan resit yang dikeluarkan. Walhal, kes defendan semata-mata bergantung kepada keterangan yang tidak boleh diterima (inadmissible evidence). Perkataan-perkataan 'dipercayai' dan 'difaham' yang disebut dalam afidavit defendan (kand 9A) adalah keterangan katadengar (hearsay) sepertimana disebut dalam *Clerk and Lindsell on Tort* (Edisi ke-16) di ms 1105:

> Defamatory matter published as hearsay: Here it may be as well to observe that matter, which is otherwise obviously defamatory will not be less actionable because it is put forward as a matter of rumour, hearsay or supposition. As Littledale J said in *M'Pherson v Daniels*, 'Now a defendant by showing that he stated at the time when he published the slanderous matter of a plaintiff, that he heard it from a third person does not negative the charge of malice, for a man may wrongfully and maliciously repeat that

which another person may have uttered upon a justifiable occasion.' If the rule were otherwise every dealer in defamation would have free range on the lenient condition of always using some preface to his libel as 'I am informed,' 'I am of the opinion'.

Kesimpulannya, di atas imbangan kemudahan, fakta dan hal keadaan kes lebih memihak kepada plaintif (lihat *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed v Datuk Yeh Pao Tzu & Ors* [1977] 1 MLJ 56).

Berlandas kepada sebab-sebab di atas, saya menolakkan permohonan defendan (kand 9) dan membenarkan permohonan plaintif (kand 10). Kos kepada plaintif.

Permohonan plaintif dibenarkan.

Dilaporkan oleh Hanim Kamaruddin